

# MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SPM 2023

## MPP 3

# PRINSIP PERAKAUNAN

## KERTAS 2

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.
3. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
4. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.
5. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Markah	
Soalan	Markah
<b>Kertas 1 (Objektif)</b>	
<b>Kertas 2:</b>	
<b>Bahagian A</b>	
1	
2	
3	
<b>Bahagian B</b>	
4	
5	
6	
<b>Jumlah K2</b>	
<b>Jumlah K1 &amp; K2</b>	

(Kertas ini mengandungi 11 halaman bercetak)

**Bahagian A**  
[60 markah]

*Jawab semua soalan.*

1

- (a) Berdasarkan situasi berikut, nyatakan andaian dan prinsip perakaunan yang tidak dipatuhi oleh Nora Florist Enterprise.

	Situasi	Andaian/Prinsip
(a)	Pn Nora merekodkan belanja sewa rumahnya sebagai belanja perniagaan.	
(b)	Pn Nora mengira susut nilai kenderaan menggunakan kaedah ansuran tetap. Manakala penyediaan Penyata Kewangan tahun 2022, beliau menggunakan kaedah baki berkurangan.	

[2 markah]

- (b) Puan Afifah, pemilik Kedai Buku Afifah telah membeli barang niaga daripada Eisy Stationaries pada 10 Ogos 2023 seperti berikut:

Bil	Butir	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit (RM)
1	Buku Rujukan Prinsip Perakaunan SPM	35	30.00
2	Buku Rujukan Matematik Tambahan SPM	20	25.00
3	Buku Rujukan Bahasa Inggeris SPM	35	35.00

Syarat diskaun niaga:

10% bagi jumlah belian melebihi RM 1000

15% bagi jumlah belian melebihi RM 3000

- (i) Hitung diskaun niaga yang diterima oleh Puan Afifah.  
(ii) Berapakah jumlah hutang yang perlu di bayar oleh Puan Afifah?

[2 markah]

- (c) Dividen ialah sebahagian keuntungan syarikat yang dibayar kepada pemegang syer. Nyatakan **dua** jenis dividen tunai.

(i)	
(ii)	

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan kenderaan yang dilupuskan oleh Perniagaan Najwa.

Kenderaan (kos)	RM60 000
Susut nilai terkumpul	RM5 000
Harga jual	RM56 000

Hitung untung atau rugi atas pelupusan kenderaan.

[2 markah]

- (e) Kilang Kerusi Waja mengeluarkan kerusi jenama Sedapehh. Berikut adalah maklumat berkaitan dengan pengeluaran tersebut.

Kos berubah seunit	RM25
Kos tetap	RM45 000
Titik pulang modal	3 000 unit

Hitung margin caruman seunit.

[2 markah]

- 2 Kelab Badminton Tunas Muda telah ditubuhkan pada 1 Januari 2022 di Gong Pauh, Terengganu. Maklumat berikut telah diperoleh daripada buku perakaunan kelab tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

	RM		RM
Yuran masuk	1 950	Insurans	1 800
Yuran tahun 2021	1 750	Utiliti	1 320
Yuran tahun 2022	5 600	Alatan sukan	1 640
Yuran tahun 2023	750	Hadiah pertandingan badminton	2 150
Kutipan pertandingan badminton	3 050	Alat tulis	360
Derma	8 200	Penyelenggaraan gelanggang	700
Faedah simpanan tetap	630	Sagu hati pengadil badminton	250
		Belanja am	450

Maklumat tambahan:

- (i) Aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

Butir	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Bangunan kelab	65 000	65 000
Alatan sukan	5 600	7 000
Tunai di bank	6 000	?
Yuran belum terima	1 870	620
Yuran belum terperoleh	1 060	?
Inventori alat tulis	-	95
Simpanan tetap (faedah 6% setahun)	20 000	20 000

- (ii) Derma yang diterima adalah untuk membeli alatan sukan.  
 (iii) Yuran tahun 2021 yang tidak dapat diterima dianggap sebagai yuran lapuk.  
 (iv) Insurans yang dibayar untuk setahun mulai pada 1 April 2022.  
 (v) Bayaran sagu hati pengadil badminton masih belum dijelaskan RM150.

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Akaun Yuran Ahli [5 markah]  
 (b) Penyata Untung atau Rugi Pertandingan Badminton bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 [2 markah]  
 (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 [9 markah]  
 (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 [9 markah]

- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada buku rekod perakaunan Kilang Biskut Britania Sdn Bhd yang beroperasi di kawasan perindustrian Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu.

Kilang Biskut Britania Sdn Bhd Imbangan Duga pada 30 September 2023		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Inventori pada 1 Oktober 2022:		
Barang siap	25 880	
Bahan langsung	16 760	
Kerja dalam proses	5 270	
Alat-alat kecil	760	
Alat tulis kilang	125	
Jualan		384 820
Belian bahan langsung	122 350	
Belian alat-alat kecil	2 620	
Cap dagangan	8 500	
Gaji langsung kilang	60 500	
Gaji pengurus kilang	27 500	
Gaji pengurus pemasaran	2 750	
Upah buruh tak langsung	13 800	
Pulangan belian		1 365
Pulangan jualan	1 740	
Angkutan keluar	990	
Angkutan masuk	760	
Belanja penyelenggaraan kilang	10 500	
Alat tulis kilang	640	
Insurans kilang	3 360	
Utiliti	9 520	
Sewa premis	96 000	
Mesin dan peralatan kilang (kos)	105 000	
Susut nilai terkumpul mesin dan peralatan kilang		25 200
Kenderaan (kos)	70 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		13 300
Bank	96 745	
Akaun Belum Terima	20 250	
Akaun Belum Bayar		18 185
Modal		259 450
	702 320	702 320

Maklumat tambahan:

- |   |                                   |        |
|---|-----------------------------------|--------|
| i | Inventori pada 30 September 2023: | RM     |
|   | Barang siap                       | 18 760 |
|   | Bahan langsung                    | 14 320 |
|   | Kerja dalam proses                | 8 730  |
|   | Alat-alat kecil                   | 975    |
- ii Insurans kilang dibayar bagi tempoh berakhir 31 Disember 2023.
- iii Gaji pengurus kilang RM2 500 bagi bulan September 2023 masih belum dibayar.
- iv Upah buruh tak langsung termasuk gaji pejabat am sebanyak RM7 200.
- v Satu invoice belian bahan langsung bernilai RM2 800 tersalah rekod sebagai RM2 080 dalam buku perniagaan.
- vi Pulangan belian bahan langsung tertinggal catat RM380.
- vii Alat tulis kilang belum digunakan RM170.
- viii Polisi susut nilai:

Mesin dan peralatan kilang	8% setahun menggunakan kaedah atas kos.
Kenderaan	10% setahun berdasarkan nilai buku aset.

- ix. Belanja-belanja diagihkan antara kilang dan pejabat seperti berikut:

	Kilang	Pejabat
Utiliti	80%	20%
Sewa premis	80%	20%
Susut nilai kenderaan	70%	30%

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2023. [21 markah]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 September 2023. [4 markah]

**Bahagian B**  
[40 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini*

- 4 Encik Mokhtar adalah pemilik Megah Segar Enterprise yang beroperasi di Bandar Marang, Terengganu. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perakaunannya pada 31 Disember 2022.

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2022**

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Modal 1 Januari 2022		104 190
Sewa	36 000	
Perabot (kos)	35 000	
Alatan pejabat (kos)	22 000	
Akaun Belum Terima	9 800	
Akaun Belum Bayar		12 300
Ambilan	800	
Inventori 1 Januari 2022	25 450	
Bank	87 650	
Tunai	770	
Pulangan	290	310
Alat tulis	310	
Belian dan Jualan	185 620	258 930
Peruntukan hutang ragu		380
Gaji	18 600	
Pinjaman		40 000
Insurans	5 000	
Susut nilai terkumpul perabot		7 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		4 180
	427 290	427 290
	427 290	427 290

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Disember 2022 dinilai RM28 670 pada harga kos dan RM35 250 pada harga pasaran.
- (ii) Hutang lapuk RM450.

- (iii) Insurans prabayar RM220.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (v) Pinjaman RM60 000 berkadar faedah 5% setahun yang diperolehi pada Januari 2021 akan matang pada Disember 2026.
- (vi) Alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan manakala perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [10 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022. [10 markah]

5 Berikut ialah kedudukan kewangan Yasirlana Cafe pada tarikh tersebut:

<b>Yasirlana Cafe</b>					
<b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2023</b>					
	RM	RM		RM	RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>			<b>Ekuiti Pemilik</b>		
Premis	125 000		Akaun Modal Yasir	94 000	
Lengkapan	35 400		Akaun Modal Lana	32 000	
	<u>          </u>	160 400		<u>          </u>	126 000
<b>Aset Semasa</b>			Akaun Semasa Yasir	22 250	
Inventori	5 600		Akaun Semasa Lana	13 430	
Tunai	330			<u>          </u>	35 680
Akaun Belum Terima	15 800		<b>Liabiliti Semasa</b>		
	<u>          </u>	21 730	Akaun Belum Bayar	10 600	
			Overdraf Bank	1 200	
			Iklan belum bayar	650	
			Pinjaman Yasir	8 000	
				<u>          </u>	20 450
		<u>          </u>			<u>          </u>
		182 130			182 130

Pada 1 September 2023, mereka yang berkongsi untung atau rugi mengikut nisbah 2:1 telah memutuskan untuk membubarkan perkongsian mereka. Perkara-perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Premis telah diambil alih oleh Yasir dengan nilai RM90 000.
- (ii) Lengkapan dan inventori telah berjaya dijual secara lelong dan masing-masing memperoleh harga RM31 200 dan RM5000.
- (iii) Akaun Belum Terima telah berjaya dikutip berjumlah RM14 700 setelah memberi diskaun RM340, manakala bakinya dianggap sebagai hutang lapuk.
- (iv) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya oleh Lana dan menerima diskaun 10%.
- (v) Pinjaman Yasir dan iklan belum bayar telah dijelaskan sepenuhnya setelah aset direalis dengan sempurna.
- (vi) Bil internet berjumlah RM500 telah dijumpai. Urus niaga ini belum dicatat dalam mana-mana buku perniagaan.
- (vii) Kos pembubaran RM1 750 dibayar dengan cek.
- (viii) Pekongsi perlu membawa masuk tunai tambahan untuk menampung kekurangan dalam Akaun Modal.
- (ix) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Realisasi [9 markah]
- (b) Akaun Modal [6 markah]
- (c) Akaun Bank [5 markah]

- 6 (a) Syarikat Bintang Kejora Berhad merupakan sebuah syarikat yang sedang berkembang maju dalam perniagaan perkhidmatan penghantaran kargo.

Pada 2 Jun 2022, syarikat telah menerbitkan 2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 15 Jun 2022.

**Anda dikehendaki:**

- (i) menghitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh. [2 markah]
- (ii) menyediakan akaun berkaitan untuk merekod terbitan syer. [4 markah]
- (iii) menyediakan petikan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023 (bahagian ekuiti pemilik sahaja). [2 markah]
- (iv) nyatakan **dua** perbezaan Syer Keutamaan dan Syer Biasa. [2 markah]

- (b) Encik Hariez ialah pemilik kedai runcit Perniagaan Hariez Maju yang beroperasi di Kuala Terengganu. Baki-baki aset dan liabilitinya adalah seperti berikut:

Perniagaan Hariez Maju			
<u>Penyata kedudukan kewangan pada 30 Jun 2023</u>			
Lengkapan	23 250	Modal	62 800
Inventori	10 565	Untung Bersih	12 685
Akaun Belum Terima	2 800	Akaun Belum Bayar	3 600
Bank	42 470		
	<u>79 085</u>		<u>79 085</u>

Urus niaga yang berlaku dalam bulan Julai 2023 adalah seperti berikut :

- Jul 4 Belian barang niaga secara kredit RM8 900.
- 10 Menjual barang niaga kepada Cik Leha dengan harga RM6 200 secara kredit. Kos barang tersebut adalah RM5 270.
- 15 Hariez membawa masuk van terpakai bernilai RM20 000 untuk kegunaan perniagaan.
- 18 Bayar sewa kedai RM1 800 dengan cek.
- 25 Menerima cek daripada Akaun Belum Terima untuk penyelesaian hutang bulan Jun dan memberinya diskaun RM300.
- 28 Terima komisen RM200 daripada pembekal. RM100 daripada wang itu diambil untuk membayar yuran tuisyen anaknya dan bakinya dibankkan.

Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan dan maklumat di atas, **anda dikehendaki** melengkapkan jadual di Lampiran 1.

[10 markah]

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm  
Prinsip Perakaunan K2 MPP3 2023

Tarikh	Lengkapan (RM)	Inventori (RM)	Akaun Belum Terima (RM)	Bank (RM)	(RM)	Akaun Belum Bayar (RM)	Modal (RM)	Untung Bersih (RM)
Julai 1								
4								
10								
15								
18								
25								
28								
Jumlah								